



PELAN TRANSFORMASI  
**EKONOMI BUMIPUTERA**

Penyertaan. Pemilikan. Penguasaan. 2035

قبرتان. قميلايكن. قعواسان



# ISI KANDUNGAN



# PRAKATA YAB PERDANA MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

Masyarakat Bumiputera memerlukan anjakan besar kepada satu fajar baharu yang tidak lagi dikayakan dengan budaya bobrok tetapi dibangunkan dan dipacu dengan satu budaya dan tekad yang baharu.

**Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35)** adalah sebuah agenda menyeluruh negara ini untuk membangunkan ekonomi Bumiputera itu dengan suatu bentuk fahaman ekonomi Bumiputera yang berteraskan **nilai, akhlak dan integriti**. Melalui PuTERA35, Kerajaan menghamparkan satu pelan komprehensif yang tidak terikat untuk dengan pemikiran lama untuk meningkatkan ekonomi Bumiputera.

PuTERA35 bukan sahaja satu pelan ekonomi eksklusif untuk masyarakat Bumiputera sahaja, sebaliknya pelan ini akan membantu memacu ekonomi majoriti rakyat terbanyak yang terpinggir. Agenda pembangunan Bumiputera ini perlu berteraskan anjakan yang berani dan membawa perubahan yang besar bagi memastikan pembangunan yang lebih adil dan saksama serta dengan penglibatan semua pihak.

Justeru, pendekatan dan kaedah sedia ada perlu dinilai dan dijajarkan semula bagi membolehkan pencapaian Bumiputera dalam pembangunan sosioekonomi tidak hanya dalam aspek pemilikan, tetapi juga dalam aspek penyertaan dan penguasaan yang lebih bermakna.

Semoga satu dekad yang mendatang ini akan menjelmakan satu landskap baharu buat ekonomi dan taraf kehidupan Bumiputera serta seluruh masyarakat yang selama ini terpinggir akibat amalan-amalan lama. Dengan pelan transformasi ini, masyarakat Bumiputera perlulah keluar dari takuk yang lama dan bangkit menjadi pencipta-pencipta nilai yang baharu di dalam pembangunan ekonomi negara.

Akhirulkalam, saya mengucapkan sekalung penghargaan kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses penyediaan PuTERA35. Semoga pelan transformasi ini akan menjadi wahana perpaduan negara dan membawa satu nafas baharu kepada ekonomi Bumiputera di negara ini.

**ANWAR IBRAHIM**

Perdana Menteri



# KATA ALUAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

Usaha Kerajaan memperkasakan ekonomi Bumiputera yang telah bermula semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kini diteruskan lagi dengan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35). Pelan yang dirangka ini merupakan agenda pemberkasaan ekonomi Bumiputera secara menyeluruh bagi tempoh 10 tahun akan datang.

PuTERA35 mengandungi pendekatan baharu dan pendekatan sedia ada yang telah ditambah baik dengan 132 Ikhtiar yang berpaksikan kepada 3 Teras dan 12 Pemacu. Ikhtiar-ikhtiar ini merentasi pelbagai kementerian dan mencakupi semua golongan sasaran. Matlamat utama PuTERA35 ialah untuk mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi, memperbaiki taraf hidup dan kesejahteraan ekonomi Bumiputera dan mengurangkan jurang ekonomi antara kaum di Malaysia.

Saya berharap agar PuTERA35 dijadikan rujukan dan panduan utama kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memperkasakan ekonomi Bumiputera Malaysia. Semoga matlamat PuTERA35 untuk mengangkat martabat Bumiputera Malaysia dapat dicapai seperti yang dirangka.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah



# KATA ALUAN YB MENTERI EKONOMI

Hala tuju agenda Bumiputera menuntut Kerajaan untuk melihat isu dan cabaran dari sudut pandang yang berbeza bagi menstruktur semula ekonomi serta meningkatkan daya tahan dan daya saing Bumiputera. Sehubungan itu, Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) diperkenalkan bagi melonjakkan pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Pelan ini menetapkan sasaran yang lebih menyeluruh dan menggariskan strategi yang pragmatik ke arah peningkatan sosioekonomi Bumiputera, selaras dengan Ekonomi MADANI.

Pembangunan PuTERA35 dengan visi untuk Mengangkat Darjat dan Martabat Bumiputera bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang Lebih Bermakna. Pelan ini menggariskan tiga teras yang dijajarkan dengan Ekonomi MADANI, iaitu Memperkukuh Pasak Ekonomi Negara, Memperkukuh Kerukunan Tatakelola dan Institusi serta Menegakkan Keadilan Sosial. Pelan ini turut mengetengahkan 12 Pemacu sebagai langkah progresif dalam memperkasa Bumiputera, termasuk mempertingkat pembangunan sosioekonomi Orang Asli serta Bumiputera Sabah dan Sarawak. Selain itu, usaha untuk meningkatkan penguasaan ekonomi Bumiputera, daya saing dan penskalaan, pemilikan ekuiti dan penciptaan kekayaan serta membangunkan bakat dan membasmikan kemiskinan tegar juga merupakan sebahagian daripada pemacu PuTERA35.

PuTERA35 turut memperincikan 132 ikhtiar yang perlu dilaksana oleh kementerian dan agensi berkaitan, sama ada pada peringkat persekutuan maupun negeri. Sebanyak 71 ikhtiar adalah untuk memperkukuh pasak ekonomi negara, 20 ikhtiar untuk memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi, serta 41 ikhtiar menegakkan keadilan sosial.

PuTERA35 telah menetapkan sembilan sasaran yang merangkumi enam sasaran sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan tiga sasaran baharu bagi mengukur tahap penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera yang lebih jelas. *Dashboard* PuTERA35 telah dibangunkan bagi memudah cara pemantauan pelaksanaan dan penilaian keberhasilan sehingga tahun 2035. Harapan saya agar PuTERA35 ini dapat dihayati dan didukung sebagai agenda nasional oleh semua pihak dan lapisan masyarakat. Semoga PuTERA35 diterima dan menjadi wadah utama dalam mengangkat darjat dan martabat Bumiputera khususnya dan negara amnya.

**RAFIZI RAMLI**

Menteri Ekonomi



# 1.0

## RINGKASAN EKSEKUTIF



# 1.0

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera akan diteruskan dalam usaha menstruktur semula ekonomi negara menjadi peneraju ekonomi di rantau Asia serta memastikan kehidupan rakyat yang lebih sejahtera. Kerangka Ekonomi MADANI dan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), antaranya telah menetapkan penjajaran strategi dan ikhtiar pemerkasaan agenda Bumiputera serta penilaian semula pendekatan pengukuran pencapaian Bumiputera dilaksanakan bagi meningkatkan tahap penyertaan serta penguasaan ekonomi Bumiputera.

Pembangunan ekonomi Bumiputera memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dirangka bagi menambah baik agenda pembangunan Bumiputera secara lebih menyeluruh ke arah mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. PuTERA35 mempunyai tiga matlamat utama iaitu:

1. Membangunkan Bumiputera yang bercirikan dinamik dan futuristik yang mampu mendepani isu serta cabaran semasa dan yang akan datang;
2. Menetapkan sasaran yang lebih jelas bagi pengukuran tahap penyertaan, pemilikan dan penguasaan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna; dan
3. Membangunkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan melalui penetapan pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan setiap ikhtiar.

PuTERA35 merupakan pelan komprehensif merentas lebih satu dekad, yang tidak bersifat eksklusif kepada Bumiputera sahaja, malah turut memberi limpahan manfaat kepada kaum lain. Penyediaan PuTERA35 mengambil kira input daripada Kongres

Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) yang melibatkan usaha bersepada semua pihak berkepentingan, merangkumi pelbagai peringkat sektor awam, pihak swasta dan pemain industri, akademia, wakil daripada pertubuhan masyarakat sivil (CSO) serta pemimpin masyarakat, termasuk golongan bukan Bumiputera.

PuTERA35 dibangunkan selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat serta dijajarkan dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (Agenda 2030). Selain itu, pelan ini turut mengambil kira trend mega yang dijangka mempengaruhi dunia dan masyarakat pada masa hadapan, seperti perubahan susunan blok ekonomi dan kuasa global; teknologi dan digital; demografi dan kualiti hidup; serta krisis kesihatan planet dan perubahan iklim. Isu dan cabaran domestik turut diambil kira dalam pembangunan kerangka hala tuju PuTERA35 bagi mempersiapkan Bumiputera untuk menyumbang kepada pembangunan negara ke arah mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi.

PuTERA35 dibangunkan bagi membuka ruang dan peluang kepada Bumiputera untuk memanfaatkan sektor dan industri yang diberi tumpuan oleh Kerajaan, terutamanya industri *high growth high value* (HGHV) dan berdasarkan teknologi termaju. Selain itu, penyertaan Bumiputera dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan inovasi serta sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi dapat ditingkatkan melalui PuTERA35.

Visi PuTERA35 adalah untuk **Mengangkat Darjat dan Martabat Bumiputera** dengan tema **Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang Lebih Bermakna**. Tema

ini bertujuan untuk mencipta nilai melalui pendekatan yang lebih produktif dan bersepada bagi mendorong Bumiputera untuk terus berkembang maju dan memainkan peranan yang lebih signifikan dalam pembangunan sosioekonomi negara.

**Tiga Teras, 12 Pemacu dan 132 Ikhtiar** telah digariskan bagi menyokong pencapaian visi PuTERA35.

Tiga teras PuTERA35 adalah **Memperkuuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi; dan Menegakkan Keadilan Sosial**. Teras

yang berbentuk struktural ini merupakan asas penting kepada kemampaman sosioekonomi, keutuhan tatakelola dan institusi, serta keadilan sosial. Teras ini disokong oleh 12 Pemacu berfungsi sebagai pemangkin strategik kepada pelaksanaan Ikhtiar yang telah dikenal pasti. PuTERA35 memandu hala tuju agenda pemerkasaan Bumiputera sehingga tahun 2035 melalui pelaksanaan Ikhtiar yang meliputi jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Perincian program dan projek bagi setiap Ikhtiar akan disediakan oleh agensi pelaksana berkaitan dan diselaraskan oleh Kementerian yang telah dikenal pasti.



**TERAS 1**

## Memperkuuh Pasak Ekonomi Negara

**5** Pemacu

**71** Ikhtiar

Lima Pemacu dan 71 Ikhtiar telah dikenal pasti dalam memperkuuh pasak ekonomi melalui penguasaan ekonomi; peningkatan daya saing dan penskalaan; pembangunan bakat dan pemerkasaan ekosistem pendidikan; penciptaan kekayaan; dan peningkatan pemilikan ekuiti. Setiap pemacu ini dilengkapi dengan ikhtiar dan pelan tindakan yang komprehensif bagi menangani isu dan cabaran utama yang telah dikenal pasti. Pemacu ini berupaya memberikan sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara dan mempertingkat daya saing perusahaan Bumiputera pada peringkat global serta memperkuuh penciptaan kekayaan.



**TERAS 2**

## Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi

**3** Pemacu

**20** Ikhtiar

Tiga Pemacu dan 20 Ikhtiar telah dikenal pasti dalam memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi melalui penyampaian perkhidmatan dan tatakelola; penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC); serta penghayatan dan falsafah Bumiputera. Pemacu ini memainkan peranan penting dalam memperkuuh kerjasama dan keharmonian dalam kalangan semua pihak untuk memastikan keseluruhan ekosistem perniagaan dimanfaatkan bagi menyokong pelaksanaan agenda Bumiputera.



**TERAS 3**

## Menegakkan Keadilan Sosial

**4** Pemacu

**41** Ikhtiar

Empat Pemacu dan 41 Ikhtiar telah dikenal pasti dalam menegakkan keadilan sosial melalui usaha membasmi kemiskinan tegar; memperkuuh sistem perlindungan sosial; membangunkan sosioekonomi Orang Asli; dan memperkuuh pembangunan Sabah dan Sarawak. Pemacu ini memberi tumpuan untuk mengukuhkan pembangunan wilayah yang lebih seimbang, merapatkan jurang ekonomi dan infrastruktur serta mencapai matlamat pendekatan baharu dalam agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif.



PuTERA35 juga menetapkan sembilan sasaran yang merangkumi enam sasaran sedia ada dalam RMKe-12 dan tiga sasaran baharu. Kesemua sasaran ini dikenal pasti sebagai pengukuran kepada pencapaian tiga tema iaitu Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera.

Pelaksanaan PuTERA35 akan dipantau sepenuhnya oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Pelaporan dan pemantauan secara sistematis dan bersepadan melalui *dashboard* akan membolehkan penilaian

yang lebih menyeluruh serta langkah intervensi dapat diambil dengan segera. Peranan Unit Pemerkaasan Agenda Bumiputera (UPAB) juga akan diperkasa dan diberi tanggungjawab untuk membuat pelaksanaan dan pemantauan ikhtiar secara rapi pada peringkat kementerian dan agensi.

PuTERA35 yang komprehensif, berani dan berpandangan jauh serta lebih inklusif ini merupakan anjakan besar dalam membawa pembangunan Bumiputera ke arah menjadikannya Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau.



**71** | Ikhtiar

**20** | Ikhtiar

**41** | Ikhtiar

# 2.0

## PERSPEKTIF MENYELURUH DI PERINGKAT GLOBAL, SERANTAU DAN NASIONAL





Hala tuju baharu agenda pembangunan Bumiputera menuntut Kerajaan untuk melihat isu dan cabaran dari sudut pandang yang berbeza, sama ada pada peringkat domestik atau global. Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dibangunkan dengan mengambil kira perubahan semasa dan perspektif menyeluruh yang membentuk struktur sosioekonomi masyarakat dan negara. Pelan tindakan ini dirangka bagi memastikan ikhtiar dilaksanakan secara berkesan dengan matlamat untuk mengangkat darat dan martabat Bumiputera.

PuTERA35 juga dibangunkan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030). Selain itu, PuTERA35 turut mengambil kira trend mega yang dijangka mempengaruhi dunia dan masyarakat pada masa hadapan seperti perubahan susunan blok ekonomi dan kuasa global, teknologi dan digital, demografi dan kualiti hidup, serta krisis kesihatan planet dan perubahan iklim.

## ► 2.1

# MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

SDG 2030 yang dipersetujui pada tahun 2015 di persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berfungsi sebagai kerangka pembangunan negara masa hadapan yang berpaksikan kepada prinsip tiada sesiapa yang tertinggal dan pelaksanaan secara keseluruhan (*whole-of-nation approach*) dengan 17 matlamat yang ingin dicapai menjelang tahun 2030<sup>1</sup>. Rangka tindakan SDG 2030 adalah penting bagi sebuah negara dalam merangka dasar untuk memastikan masa hadapan yang lebih mampan untuk rakyat.

### ► 2.1.1 ◀ Perspektif Global

Kesemua 193 negara anggota PBB menerima pakai SDG menandakan komitmen sangat untuk berusaha ke arah masa hadapan yang lebih mampan melalui rancangan pembangunan negara masing-masing. Namun, terdapat beberapa cabaran global seperti konflik geopolitik dan perubahan iklim yang memberi impak kepada ekonomi dunia secara keseluruhan.

### ► 2.1.2 ◀ Perspektif Serantau

Berdasarkan *The Asia and the Pacific SDG Progress Report 2024*, rantau Asia Pasifik hanya mencapai 17% kemajuan sehingga tahun 2022 berbanding sasaran sekurang-kurangnya 50% matlamat keseluruhan menjelang tahun 2030. Berdasarkan trend kemajuan ini, pencapaian SDG di rantau Asia Pasifik akan mengambil masa yang panjang untuk mencapai unjuran yang disasarkan.

Negara anggota ASEAN telah mencatatkan kemajuan yang ketara dalam pencapaian SDG 2030, terutamanya dalam usaha meningkatkan pendapatan dan peluang ekonomi, termasuk dalam kalangan wanita, serta mengurangkan kemiskinan sejak tahun 2000<sup>2</sup>. Dengan pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan usaha dasar yang kukuh, kebanyakan negara anggota ASEAN berada pada landasan yang tepat untuk membasmi kemiskinan mutlak menjelang 2030<sup>3</sup>.

### ► 2.1.3 ◀ Perspektif Nasional

Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) bermula Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11) turut memberi penekanan terhadap matlamat SDG 2030. Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), Malaysia juga telah menetapkan sasaran indikator Matlamat SDG Kebangsaan berdasarkan sembilan inisiatif bagi mempercepat pencapaian SDG. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menuahkan Pusat SDG Negara (PSN) yang ditempatkan di bawah Kementerian Ekonomi. PSN bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan SDG pada peringkat kebangsaan bagi meningkatkan pencapaian SDG negara.

Bagi memastikan pembangunan Bumiputera dapat menyumbang kepada matlamat SDG 2030, PuTERA35 akan memberi fokus kepada ikhtiar untuk mensifarkan kemiskinan tegar, meningkatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan pertumbuhan ekonomi, memperluas penerimagaunaan pendigitalan, menambah baik sokongan sosial dan meningkatkan akses kepada pendidikan, perumahan, dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Ini bagi memastikan semua pihak terutama Bumiputera mendapat manfaat daripada perancangan dan pembangunan negara selaras dengan matlamat SDG.

<sup>1</sup> United Nations, Sustainable Development Goals (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2015) <https://sdgs.un.org/goals>

<sup>2</sup> ASEAN, *The 2022 ASEAN SDG Snapshot Report* (Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), 2022)

<sup>3</sup> International Monetary Fund, *ASEAN Progress Towards Sustainable Development Goals and The Role of the IMF* (Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), 2018)

## ► 2.2

# PERUBAHAN SUSUNAN BLOK EKONOMI

Perubahan susunan blok ekonomi global telah mengurangkan kebergantungan dunia kepada blok barat apabila muncul kuasa besar baharu dari blok timur dan selatan. Perubahan ini telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan mencipta peluang kepelbagaiaan perdagangan dan pelaburan. Selain itu, proses yang berlaku ini telah membentuk kesepakatan ekonomi yang lebih kukuh pada peringkat serantau. Namun, perubahan ini menuntut negara untuk meningkatkan daya saing, bagi meraih manfaat yang maksimum kepada rakyat. Di samping itu, proses deglobalisasi dijangka mengurangkan kebergantungan kepada perdagangan dan pasaran antarabangsa, memerlukan negara beralih kepada ekonomi yang lebih mandiri.

### ► 2.2.1 ◀ Perspektif Global

Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) global dijangka meningkat pada kadar purata 2.6% setahun bagi tempoh 2024 hingga 2050<sup>4</sup>. Unjuran ini mengambil kira perubahan trend mega yang berlaku pada peringkat global, terutamanya konflik geopolitik yang membentuk blok ekonomi dunia yang baharu.

Perang perdagangan antara China dan Amerika Syarikat,

peperangan di Ukraine dan konflik Israel-Palestin, telah membentuk fragmentasi yang ketara dalam kalangan blok ekonomi dunia<sup>5</sup>. Banyak negara kini bersaing untuk mencipta pengaruh dan membentuk kumpulan ekonomi yang mempunyai kepentingan masing-masing melalui gabungan baharu melibatkan beberapa negara yang memberi impak kepada politik dan sosioekonomi.

Selain itu, pemulihan pasca COVID-19 dan semua cabaran ini menyebabkan sebahagian negara dunia melaksanakan strategi yang mendahuluikan sumber tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar.

Peningkatan kadar faedah berikutnya pelaksanaan dasar monetari yang ketat oleh negara maju telah memberi kesan langsung kepada kadar pertukaran matawang, sekali gus meningkatkan hutang sektor awam, sektor swasta dan isi rumah.

Di samping itu, perjanjian perdagangan bebas (FTA) baharu seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) turut memainkan peranan penting dalam membentuk perspektif ekonomi global. Pemeteraian CPTPP oleh negara anggota dijangka meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pertumbuhan ekonomi, di samping memupuk kerjasama serta integrasi serantau yang lebih kukuh<sup>6</sup>.

### ► 2.2.2 ◀ Perspektif Serantau

Kadar pertumbuhan purata KDNK bagi negara Asia sedang membangun dijangka meningkat kepada 5.4% pada tahun 2024 berdasarkan unjuran Pusat Pembangunan Pertubuhan Kerjasama

<sup>4</sup>. United Nations Conference on Trade and Development, *Trade and Development Report Update* (Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), April 2024)

<sup>5</sup>. EY-Parthenon, 2024 *Geopolitical Outlook: How to Thrive Amid Ongoing Geopolitical Complexity* (EYGM Limited, 2023)

<sup>6</sup>. IMF World Economic Outlook Database, edisi April 2023 International Monetary Fund, *World Economic Outlook: A Rocky Recovery* (Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), April 2023)

dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Manakala, pertumbuhan purata KDNK ASEAN diunjur mencecah 4.8% pada tahun 2024, lebih lemah berbanding 3.6% pada tahun 2022, namun menunjukkan daya tahan terhadap rintangan ekonomi global<sup>7</sup>.

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang melibatkan 10 negara anggota ASEAN dengan China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand merupakan blok perdagangan terbesar di dunia dari segi saiz ekonomi serta menjadi pusat graviti baharu untuk perdagangan global. Berdasarkan laporan Persidangan PBB mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), gabungan RCEP mewakili sekitar 30% daripada KDNK dunia<sup>8</sup>.

### ► 2.2.3 ◀ Perspektif Nasional

Penyusunan blok ekonomi akan memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam mencipta pelbagai peluang perdagangan. KDNK Malaysia diunjur meningkat lebih tinggi pada kadar 3.6% setahun berbanding pertumbuhan ekonomi dunia dalam tempoh 2024 hingga 2050.

Malaysia telah menandatangani perjanjian perdagangan CPTPP dan RCEP pada tahun 2022. Melalui CPTPP dan RCEP, Malaysia meraih banyak faedah merentasi pelbagai sektor, termasuk pembuatan, perkhidmatan dan pertanian. CPTPP telah membantu meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara, dengan FDI Malaysia mencecah RM14.9 bilion pada tahun 2023. Malaysia dijangka menjadi penerima terbesar daripada perjanjian tersebut dengan menikmati unjuran nilai peningkatan eksport sebanyak USD200 juta dalam tempoh 20 tahun<sup>9</sup>.



Sehubungan itu, Bumiputera harus mengambil manfaat daripada peluang perdagangan dan ekonomi baharu yang wujud daripada perubahan susunan blok ekonomi dan perjanjian perdagangan baharu. PuTERA35 perlu terarah untuk mempersiapkan Bumiputera agar kekal berdaya saing. Ini termasuk usaha untuk menaik taraf produk dan proses bagi memenuhi piawaian perdagangan, di samping meningkatkan pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), transformasi digital; dan modal insan untuk memenuhi keperluan pasaran global.

<sup>7</sup> Organisation for Economic Co-operation and Development, *Economic Outlook for Southeast Asia, China and India 2023: Reviving Tourism Post-Pandemic* (Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), 2023)

<sup>8</sup> United Nations Conference on Trade and Development, *A New Centre of Gravity: The Regional Comprehensive Economic Partnership and its trade effects* (Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), 2021)

<sup>9</sup> Ibid

## ► 2.3

# PERUBAHAN TEKNOLOGI DAN DIGITAL MASA HADAPAN

Perubahan teknologi global akan terus mengubah gaya hidup manusia. Kemajuan dalam pengkomputeran awan; analitis data raya; kecerdasan buatan (AI) serta robotik dan genomik termaju telah mempercepat perubahan dan kebangkitan ekonomi berasaskan digital di seluruh dunia. Pertumbuhan eksponen teknologi dan transformasi digital oleh negara peneraju teknologi menuntut tindakan pantas oleh negara pengguna dalam pelaksanaan anjakan besar, terutama dalam industri yang berasaskan teknologi dan digital. Ini bagi memastikan jurang digital dengan negara maju dapat dirapatkan.

### ► 2.3.1 ◀ Perspektif Global

Perubahan teknologi global menuntut hampir semua negara beralih kepada automasi dan mekanisasi dalam semua sektor. Perubahan teknologi ini akan turut meningkatkan penerimaan teknologi termaju, R&D&C&l, dan kemunculan jenis pekerjaan baharu. Pada tahun 2022, ekonomi digital menyumbang lebih daripada 15% kepada KDNK global dan 74% daripada perusahaan *unicorn* global<sup>10</sup>.



### ► 2.3.2 ◀ Perspektif Serantau

Ekonomi berasaskan internet di Asia Tenggara kekal berdaya tahan pada tahun 2020, dengan lonjakan kepada USD170 bilion nilai dagangan kasar (GMV). Sektor e-Dagang merupakan pemacu pertumbuhan terbesar dengan GMV berjumlah USD120 bilion pada tahun 2021 berbanding USD74 bilion pada 2020, dan dijangka akan terus meningkat sehingga tahun 2025<sup>11</sup>. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan bilangan individu yang membuat pembelian secara dalam talian buat kali pertama, dan nilai pembelian yang lebih besar bagi setiap

<sup>10</sup>. Zia Hayat, *Digital trust: How to unleash the trillion-dollar opportunity for our global economy* (Forum Ekonomi Dunia (WEF), 17 August 2022)

<sup>11</sup>. Aadarsh Baijal et al., *e-Economy SEA 2021: Roaring 20s: The SEA Digital Decade* (Google, Temasek, and Bain & Company, 2021)



pembeli<sup>12</sup>. Pada tahun 2021, China menjadi negara pertama yang mencatat jumlah tempahan e-dagang melepas tanda aras 50%.

### ► 2.3.3 ◀ Perspektif Nasional

Berdasarkan kedudukan Daya Saing Digital Dunia 2023, Malaysia menduduki tempat ke-33 dalam kalangan 64 ekonomi global. Kedudukan ini menunjukkan terdapat bidang keutamaan yang perlu ditambah baik, terutamanya dari aspek kesediaan masa depan<sup>13</sup>. Rangka Tindakan

(Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia telah menggariskan keperluan untuk mengukuhkan pembangunan bakat, meningkatkan penggunaan teknologi digital, mengamalkan pemikiran yang mengutamakan pendigitalan, dan melakukan pembaharuan dalam struktur kawal selia untuk memudahkan lagi operasi perniagaan di peringkat nasional dan sub-nasional.

Perkembangan pesat teknologi yang didorong oleh penerimanaan yang tinggi akibat pandemik mewujudkan cabaran dalam menyesuaikan keperluan kemahiran, mengawal kemajuan teknologi, serta mengimbangi kesan sosial. Dalam hubungan ini, antara kesan yang perlu ditangani dalam pelaksanaan hala tuju bagi Bumiputra adalah keperluan untuk menyediakan kemahiran baharu, potensi kehilangan pekerjaan dan adaptasi penggunaan teknologi dalam perniagaan.

<sup>12</sup> World Economic Forum, Future of Consumption in Fast-Growth Consumer Markets: ASEAN (Forum Ekonomi Dunia (WEF), 2020)

<sup>13</sup> IMD, World Digital Competitiveness Ranking (IMD, 2023)

## ► 2.4

# PERUBAHAN DEMOGRAFI DAN KUALITI HIDUP

Landskap global sedang melalui fasa polikrisis yang memberi kesan kepada demografi dan kualiti hidup masyarakat, termasuk krisis ekonomi dan kesihatan, konflik geopolitik dan bencana alam. Ini menuntut penyelesaian inovatif bagi memastikan daya tahan sosioekonomi masyarakat dan kemakmuran negara.

### ► 2.4.1 ◀ Perspektif Global

Peningkatan dalam populasi menua dunia menjadi cabaran utama pada peringkat global. Menurut laporan PBB, populasi dunia akan mencapai 9.7 bilion pada tahun 2050 berbanding 7.6 bilion pada tahun 2010.<sup>14</sup> Populasi berusia 65 tahun dan ke atas pula dijangka mencapai 16% pada tahun 2050 berbanding 10% pada tahun 2022<sup>15</sup>.

Dalam aspek perbandaran, tarikan migrasi ke bandar berlaku disebabkan oleh kewujudan banyak peluang pekerjaan, prospek pendidikan yang baik, kemudahan pengangkutan yang maju serta perkhidmatan penjagaan kesihatan yang boleh dipercayai dan tersedia. Bank Dunia melaporkan

bahawa menjelang tahun 2050, hampir 7 daripada 10 orang akan tinggal di bandar, dengan lebih 80% daripada KDNK global akan dijana di kawasan bandar<sup>16</sup>.

Peningkatan populasi bandar yang drastik memberi tekanan kepada tadbir urus dan sumber serta mengubah struktur masyarakat dengan ketara jika tiada pelan jangka masa panjang tersedia.

### ► 2.4.2 ◀ Perspektif Serantau

Negara Asia Timur dan Asia Tenggara sedang mengalami perubahan demografi yang besar, termasuk penurunan kadar kelahiran dan peningkatan jangka hayat penduduk. Kadar pertumbuhan telah menurun sejak 1980an, dan jumlah penduduk dijangka menurun menjelang tahun 2040, iaitu penurunan lebih awal berbanding wilayah lain. Oleh itu, menjelang tahun 2060, sebahagian besar negara di rantau ini dijangka menjadi negara tua, iaitu kira-kira 40% daripada jumlah populasi berusia 65 tahun dan ke atas<sup>17</sup>.

Penduduk bandar di Asia telah meningkat kepada 56% pada 2015 berbanding kurang daripada 20% pada 1950 berikutan kelebihan tahap ekonomi yang lebih baik daripada kawasan luar bandar di Asia<sup>18</sup>. Rantau Asia dijangka terus mengalami migrasi penduduk ke bandar besar atau dikenali sebagai megapolis, seperti Shanghai, Beijing, Tokyo, Seoul, Bangkok dan Jakarta.

<sup>14</sup>. United Nations, *Global Issues: Population* (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2023)

<sup>15</sup>. Department of Economic and Social Affairs, *World Population Prospects 2022* (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2022)

<sup>16</sup>. World Bank Group, *Urban Development* (Kumpulan Bank Dunia, 2023)

<sup>17</sup>. Department of Economic and Social Affairs, *World Population Prospects 2019* (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2019)

<sup>18</sup>. Dr Keiichiro Oizumi, *Mega Trends in East Asia – What's Happening? What'll Happen?* (Universiti Sains Malaysia, May 2016)



### ► 2.4.3 ◀ Perspektif Nasional

Penduduk di Malaysia meningkat pada kadar 2.1% pada tahun 2023, lebih perlahan berbanding 2.6% pada tahun 1971, berikutan beberapa faktor seperti kadar kesuburan, jangka hayat dan migrasi penduduk<sup>19</sup>.

Malaysia akan menjadi negara tua menjelang tahun 2044 apabila 14% daripada populasi negara ini terdiri daripada mereka yang berumur 65 tahun ke atas. Keadaan ini memberi cabaran kepada Malaysia, terutama komitmen fiskal, pasaran buruh, kestabilan pendapatan dan sistem kesihatan awam<sup>20</sup>.

Perbandaran yang inklusif meliputi pusat ekonomi mendorong penghijrahan ke kawasan bandar yang sekaligus meningkatkan kualiti hidup. Kadar perbandaran meningkat kepada 75.1% pada tahun 2020 dan dijangka mencapai 84% menjelang 2040<sup>21</sup>.

Semua pihak perlu dipersiapkan untuk memainkan peranan masing-masing dalam usaha menangani cabaran polikrisis yang mengakibatkan perubahan demografi dan kualiti hidup masyarakat. Antara langkah yang perlu diberi tumpuan termasuk mempertingkatkan pendidikan berterusan, latihan kemahiran, penggunaan teknologi dan automasi serta menambah baik perlindungan sosial dan penjagaan jangka panjang.

<sup>19</sup>. Jabatan Perangkaan Malaysia, Populasi Penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 2023)

<sup>20</sup>. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Ke-11 2024

<sup>21</sup>. Malaysia Population Research Hub, Penduduk bandar dijangka meningkat 84 peratus menjelang 2040 (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2022)

## ► 2.5

# KRISIS KESIHATAN PLANET

Perubahan iklim merupakan antara trend mega paling kritikal yang mempengaruhi kehidupan sehari-hari masyarakat pada masa kini dan masa hadapan. Peningkatan suhu 1°C telah berlaku tiga hingga empat kali sejak sedekad yang lalu dijangka berterusan dalam beberapa dekad mendatang<sup>22</sup>. Kesannya, dianggarkan seramai 200 juta penempatan semula penduduk berlaku berikutan peningkatan paras laut, banjir dan kemarau<sup>23</sup>.

### ► 2.5.1 ◀ Perspektif Global

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), perubahan iklim menyumbang secara langsung kepada kecemasan kemanusiaan termasuk, gelombang haba, kebakaran hutan, banjir, ribut tropika serta taufan yang semakin meningkat pada skala dan frekuensi yang membimbangkan<sup>24</sup>. Kajian menunjukkan bahawa 3.6 bilion individu kini tinggal di kawasan yang sangat rentan kepada perubahan iklim<sup>25</sup>. Unjuran bagi tahun 2030 sehingga tahun 2050 menjangkakan perubahan iklim akan mengakibatkan kira-kira 250,000 kematian setiap tahun berpunca daripada

kekurangan makanan dan nutrisi, penyakit malaria, cirit-birit dan tekanan haba. Selain itu, beban kos kesihatan secara langsung dianggarkan antara USD2 bilion sehingga USD4 bilion setiap tahun menjelang tahun 2030<sup>26</sup>.

Negara membangun yang tidak mempunyai infrastruktur kesihatan yang mencukupi akan berhadapan dengan ketidakmampuan untuk mengendalikan krisis akibat perubahan cuaca. Selain itu, menurut laporan Bank Dunia, dianggarkan lebih daripada 130 juta individu yang tinggal di negara paling rentan akan terjebak dalam kemiskinan ekstrem akibat perubahan iklim menjelang tahun 2030 sekiranya tiada sebarang langkah mitigasi diambil<sup>27</sup>.

Perubahan iklim dijangka menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup, krisis makanan, air dan tenaga, serta gangguan rantai bekalan. Oleh itu, pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) melalui penggunaan tenaga secara berhemah dalam pengangkutan dan pengeluaran makanan boleh memberi manfaat yang sangat besar kepada kehidupan.

### ► 2.5.2 ◀ Perspektif Serantau

Asia sebagai rantau yang paling pesat berkembang di dunia, bukan sahaja mempunyai permintaan tertinggi untuk sumber semula jadi tetapi juga menghadapi risiko paling besar berikutnya kerosotan alam sekitar dan perubahan iklim. Rantau Asia dijangka mengalami kesan penurunan KDNK sebanyak 26.5% menjelang tahun 2048 berikutan perubahan iklim<sup>28</sup>.

<sup>22</sup> United Nations Development Programme, Pursuing the 1.5°C Limit: Benefits & Opportunities (Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), 2016)

<sup>23</sup> Bank Dunia

<sup>24</sup> World Health Organization, Climate Change (Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 2023)

<sup>25</sup> Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC), Summary for Policymakers in Climate Change 2022

<sup>26</sup> Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

<sup>27</sup> Climate Change 2022: Impacts, Adaptation and Vulnerability, IPCC

<sup>28</sup> Organisasi Meteorologi Dunia (WMO)

Melalui Kenyataan Bersama ASEAN Mengenai Perubahan Iklim (AJSCC) COP28, Negara Anggota ASEAN komited untuk mengawal perubahan iklim. AJSCC menggariskan sokongan yang dipertingkatkan untuk negara membangun dalam usaha mitigasi, penyesuaian kewangan dan teknologi yang selaras dengan matlamat Perjanjian Paris. Persetujuan bersama ini membolehkan Negara Anggota ASEAN mendapat manfaat daripada perkongsian sumber, pengetahuan dan teknologi.

Sehubungan itu, dianggarkan sebanyak USD29.4 trillion pelaburan diperlukan bagi tujuan peralihan tenaga rendah karbon bagi Negara Anggota ASEAN. Negara Anggota kini semakin giat mengusahakan projek tenaga solar, angin dan hidro serta meneroka inisiatif seperti penetapan harga karbon, pelaburan hijau, dan pengeluaran hidrogen, di samping meningkatkan ketersambungan serantau untuk perdagangan tenaga mampan<sup>29</sup>.

### ► 2.5.3 ◀ Perspektif Nasional

Malaysia telah melancarkan fasa pertama Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), dengan memperkenalkan 10 inisiatif pemangkin utama yang akan membuka peluang pelaburan peralihan tenaga bernilai RM435 bilion hingga RM1.85 trillion menjelang tahun 2050. Jumlah pelaburan fasa pertama bernilai RM25 bilion dijangka membuka kira-kira 23,000 pekerjaan berimpak tinggi dan berkualiti tinggi selain mengurangkan pelepasan GHG bersamaan 10,000 gigagram karbon dioksida setahun.

Selain itu, Malaysia sedang memuktamadkan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon (*Long-Term Low Emissions Development Strategies - LT-LEDS*) dan *Nationally Determined Contributions* (NDC), yang akan menjadi garis panduan komprehensif ke arah mencapai aspirasi pelepasan karbon sifar bersih (*net zero*) seawal tahun 2050.




Krisis kesihatan planet yang semakin meruncing akan menjadi ancaman besar kepada generasi akan datang termasuk Bumiputera sekiranya tindakan pemuliharaan dan pemulihiran tidak diambil. Sehubungan itu, perancangan pembangunan Bumiputera harus memberi tumpuan kepada industri berdasarkan peralihan tenaga dan sumber asli bernilai tinggi sebagai sumber pertumbuhan baharu yang juga dapat melindungi dan memelihara kesihatan planet.


<sup>29</sup> ASEAN Climate & Energy Insight Q4/2023: COP 28 Special Edition by ASEAN Climate & Energy Project (ACCEPT II)

## ► 2.6

# DASAR PEMBANGUNAN NEGARA DAN AGENDA PEMBANGUNAN BUMIPUTERA

Kerajaan telah merangka pelbagai dasar pembangunan negara dalam usaha memperkasa agenda Bumiputera seperti yang dijelaskan dalam Rajah 1. Agenda pembangunan Bumiputera sepanjang enam (6) dekad yang lalu memberi tumpuan kepada aspek pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat; menangani kesenjangan pendapatan; pemilikan ekuiti dan harta tanah dan peningkatan daya saing perusahaan Bumiputera. Namun, masih terdapat pelbagai isu struktur seperti jurang pendapatan dan kekayaan antara etnik yang semakin melebar; status sosioekonomi Bumiputera yang masih terperangkap dalam kelas menengah dan sederhana; dan penyertaan Bumiputera yang tertumpu dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang rendah.







Kerajaan telah mewujudkan pelbagai agensi yang bertanggungjawab untuk menyokong agenda pembangunan Bumiputera, seperti dalam Rajah 2. Sebanyak sembilan agensi mandat Bumiputera ditubuhkan khusus untuk memperkasa agenda pembangunan Bumiputera iaitu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Urban Development Authority (UDA) Holdings, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), VentureTECH, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), dan Yayasan Peneraju (YP). Di samping itu, agensi seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) turut berperanan menyokong agenda pembangunan Bumiputera.

Namun, beberapa isu berkaitan tatakelola yang lemah serta mekanisme penyampaian yang kurang berkesan telah mengakibatkan ketirisan dan sasaran tidak tercapai. Pelaksanaan program secara silo yang tidak berdasarkan mandat asal serta ketiadaan pemantauan yang terselaras menyebabkan berlakunya pertindihan peranan dan ketidakcekapan pengurusan sumber.

**Rajah 2:**  
Penubuhan Agensi yang turut menyokong Agenda pembangunan Bumiputera





## ► 2.7

# KERANGKA EKONOMI MADANI

Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat merupakan wadah untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara. Kerangka ini meletakkan dua tumpuan utama iaitu menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia serta memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.

Rajah 3: Kerangka Ekonomi MADANI

## EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

### Menaikkan Siling Peneraju Ekonomi Asia

- Destinasi Pelaburan Berdaya Saing & Bertaraf Global
- Industri Berteraskan Digital & Inovasi
- Peneraju Ekonomi Islam Global
- Jaguh PMKS Serantau
- Keterjaminan & Kemampanan Ekonomi

### Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (Rakyat, Kerajaan & Industri)



Dengan semangat perpaduan



Tatakelola yang baik  
(membanteras rasuah)



Sistem penyampaian awam  
yang tangkas & kolaboratif

### Menaikkan Lantai Peningkatan Darjat Hidup Rakyat

- Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi
- Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang
- Akses Sejagat Pendidikan & Kesihatan
- Kemudahan Asas Bertaraf Dunia
- Perlindungan Sosial untuk Semua

## Malaysia Berasaskan Nilai MADANI

(Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Nilai Hormat, Keyakinan & Ihsan)

Kerangka Ekonomi MADANI ini menjadi asas dalam perancangan pelan pembangunan Bumiputera ke arah mengangkat darjat dan martabat Bumiputera bagi mencapai masyarakat yang adil, saksama dan inklusif.

## ► 2.8

# KEDUDUKAN SEMASA EKONOMI MALAYSIA

Struktur ekonomi Malaysia telah melalui pelbagai fasa perubahan melalui pelaksanaan dasar dan strategi yang pragmatik. Bermula daripada sebuah ekonomi yang berasaskan komoditi, negara beralih kepada ekonomi yang bertumpu kepada pembuatan dan perkhidmatan. Ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan purata hampir 6% setahun sejak tahun 1970, walaupun berhadapan dengan pelbagai krisis ekonomi. Bagi tempoh 2021-2023, KDNK telah berkembang sebanyak 5.2% setahun dan dijangka mencapai sasaran Kajian Separuh Penggal (KSP), RMKe-12, iaitu 5% hingga 6%.

Pertumbuhan dalam separuh pertama RMKe-12 diterajui oleh peningkatan produktiviti buruh dan aktiviti sektor swasta. Pelaburan swasta meningkat sebanyak 4.8% setahun, disokong oleh perolehan jentera dan peralatan (M&E). Selain itu, sektor luar turut menyokong prestasi yang baik ini dengan meneruskan imbangan perdagangan positif dicatat semenjak tahun 1998. Eksport kasar berkembang sebanyak 13.2% setahun dipacu oleh sektor barangan pembuatan dan perlombongan, manakala import kasar pula meningkat sebanyak 14.8% setahun berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap barang pengantara.

Sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan. Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.1% setahun, disokong oleh aktiviti berkaitan pengguna, manakala sektor pembuatan meningkat sebanyak 6.0% setahun, didorong oleh permintaan yang kukuh untuk produk elektrik dan elektronik (E&E). Pertumbuhan sektor pembinaan, pertanian dan perlombongan juga kekal positif dalam tempoh tersebut.

Berdasarkan pertumbuhan yang dicatat, pendapatan negara kasar (PNK) per kapita meningkat kepada RM53,026 (AS\$11,628) pada tahun 2023, berbanding RM42,838 (AS\$10,191) pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang sebanyak 17% daripada nilai ambang pendapatan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Semua negeri telah mencatatkan pertumbuhan positif berbanding penguncutan pada tahun 2020 dengan negeri Pulau Pinang, Selangor dan Pahang mencatat pertumbuhan melebihi KDNK nasional.

Pertumbuhan produktiviti buruh bagi setiap pekerja pula berkembang sebanyak 2.8% setahun kepada RM96,780 pada tahun 2023 berbanding RM89,179 pada tahun 2020. Bahagian pampasan pekerja (CE) daripada KDNK telah menunjukkan perkembangan positif dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.4% setahun dalam tempoh tiga tahun terakhir berbanding tempoh sebelum COVID-19.

Pendapatan purata bulanan isi rumah mencatatkan peningkatan kepada RM8,479 pada tahun 2022, iaitu lebih tinggi berbanding RM7,089 yang dicapai pada tahun 2020. Peningkatan pendapatan ini disokong oleh pelaksanaan pelbagai dasar Kerajaan untuk memulih dan menjana semula ekonomi selepas pandemik COVID-19. Selain itu, Indeks Kesejahteraan Rakyat meningkat 1.8% setahun dalam tempoh 2021 hingga 2022, lebih baik berbanding pencapaian dalam tempoh 2018-2019 iaitu sebanyak 0.5% setahun.

## ► 2.9

# SEKTOR BERPOTENSI

Reformasi struktur ekonomi sedang giat dilaksanakan bagi mempercepat peralihan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Sektor dan industri baharu yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, termasuk industri HGHV dan yang berimpak tinggi telah dikenal pasti dalam memacu ekonomi negara. Bumiputera boleh memanfaatkan peluang yang wujud melalui tumpuan dan penekanan yang

diberikan oleh Kerajaan bagi pembangunan sektor dan industri seperti ditunjukkan dalam Rajah 4. Industri ini dikenal pasti berdasarkan potensi Bumiputera dalam menjana aktiviti bernilai ditambah tinggi; penggunaan teknologi termaju; penyelidikan dan pembangunan inovasi; dan pekerjaan berkemahiran tinggi yang menyumbang kepada peningkatan penyertaan serta penglibatan Bumiputera dalam industri HGHV.

Rajah 4: Sektor berpotensi Bumiputera

<b>01</b> 	<b>02</b> 	<b>03</b> 	<b>04</b> 	<b>05</b> 	<b>06</b> 
Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga	Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital	Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi	Industri HGHV Pertanian dan Industri Asas Tani	Industri HGHV Nadir Bumi	Industri Halal dan Makanan
<b>07</b> 	<b>08</b> 	<b>09</b> 	<b>10</b> 	<b>11</b> 	
Industri Perkhidmatan Profesional Berteraskan Kewangan Islam	Industri Logistik	Industri Pelancongan	Industri Khidmat Jagaan	Industri Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian	



# 3.0

## KEDUDUKAN SEMASA SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA





Kedudukan sosioekonomi Bumiputera selepas enam dekad pelaksanaan agenda pembangunan telah menunjukkan kemajuan dalam pelbagai aspek termasuk pembangunan bakat dan penyertaan dalam guna tenaga, peningkatan pendapatan, serta pemilikan dan penguasaan kekayaan. Selain itu, taraf hidup masyarakat Orang Asli serta Bumiputera di Sabah dan Sarawak turut menunjukkan peningkatan.


## ► 3.1

# DEMOGRAFI BUMIPUTERA

Berdasarkan 30.4 juta warganegara Malaysia mengikut kumpulan etnik pada tahun 2023, Bumiputera kekal sebagai kumpulan penduduk majoriti dengan anggaran 21.3 juta atau 70.1%, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Daripada jumlah Bumiputera

ini, sebanyak 22% adalah Bumiputera Sabah dan Sarawak serta Orang Asli<sup>30</sup>. Dari segi penempatan pula, sebanyak 47.6% atau 10.15 juta Bumiputera menetap di bandar pada tahun 2023 berbanding hanya 26.7% atau 2.8 juta orang pada tahun 1970<sup>31</sup>.

Rajah 5: Jumlah Penduduk mengikut Kumpulan Etnik, 1970 - 2023



<sup>30</sup> Statistik Bumiputera 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

<sup>31</sup> Laporan Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975 (RMK2-2)

## ► 3.2

# PEMBANGUNAN BAKAT DAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM TENAGA BURUH

Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh (LFS) tahun 2022, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) Bumiputera adalah sebanyak 67.1% meningkat berbanding 65.8% pada tahun 2021, seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Manakala dari segi jantina, KPTB Bumiputera bagi lelaki adalah 80.0% berbanding 78.9% dan bagi perempuan 54.1% berbanding 52.6% dalam tempoh yang sama.

Dalam aspek pengangguran pula, bilangan Bumiputera yang menganggur adalah paling tinggi, iaitu seramai 387,800 orang atau 61.5% daripada jumlah keseluruhan 630,400 orang yang menganggur. Sebanyak 70.8% Bumiputera yang menganggur adalah daripada kumpulan umur antara 15 hingga 30 tahun, iaitu seramai 274,690 orang. Kadar pengangguran Bumiputera adalah 4.0%, iaitu lebih tinggi daripada kadar pengangguran nasional.


**Jadual 1: Penyertaan Tenaga Buruh Bumiputera, 2022**

TENAGA BURUH BUMIPUTERA	PENDUDUK (JUTA)	PERATUS
<b>Penduduk Umur Bekerja Bumiputera</b>	<b>14.34</b>	<b>68.54%</b>
(Keseluruhan)	(20.92)	
<b>Tenaga Buruh Bumiputera</b>	<b>9.63</b>	<b>67.91%</b>
(Keseluruhan)	(14.18)	
<b>Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Bumiputera</b>		<b>67.10%</b>
(Keseluruhan)		(67.80%)
<b>Bumiputera yang Bekerja</b>	<b>9.23</b>	<b>67.82%</b>
(Keseluruhan)	(13.61)	<b>69.64%</b>
<b>Bumiputera yang Menganggur</b>	<b>0.39</b>	
(Keseluruhan)	(0.56)	
<b>Kadar Pengangguran Bumiputera</b>		<b>4.0%</b>
(Keseluruhan)		(3.9%)

Sumber: DOSM

Sebahagian besar tenaga kerja Bumiputera masih dalam kategori bukan mahir iaitu sebanyak 62.2% merupakan pekerja separuh mahir, dan 8.7% pekerja berkemahiran rendah. Hanya 2.7 juta atau 29.1% pekerja mahir Bumiputera yang bekerja sebagai pengurus, profesional serta juruteknik dan profesional bersekutu, berbanding jumlah keseluruhan 9.25 juta Bumiputera yang bekerja.<sup>32</sup>

DEB yang diperkenalkan oleh Kerajaan antaranya telah berjaya meningkatkan bilangan profesional Bumiputera dalam pelbagai bidang termasuk bidang perubatan, perundangan, kejuruteraan, perakaunan dan sebagainya. Namun, penyertaan Bumiputera berbanding etnik lain dalam beberapa pekerjaan profesional masih berada di bawah tahap yang disasarkan berdasarkan komposisi kaum termasuk arkitek 44.8%, peguam 38.9% dan akauntan 32.2%, seperti ditunjukkan dalam Rajah 6.



<sup>32</sup> Laporan Survei Tenaga Buruh (LFS) 2022


### ► 3.3

## PERTUMBUHAN PENDAPATAN BULANAN ISI RUMAH

Pendapatan Bumiputera telah menunjukkan peningkatan lebih daripada 40 kali ganda dalam tempoh tahun 1970 hingga tahun 2022. Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata mengikut


pekerjaan ketua isi rumah Bumiputera pada tahun 2022 adalah sebanyak RM7,599 berbanding RM172 pada tahun 1970, seperti ditunjukkan dalam Rajah 7.

**Rajah 7: Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata mengikut Pekerjaan Ketua Isi Rumah dan Kumpulan Etnik, 1970 – 2022**




Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Bumiputera mengikut pekerjaan ketua isi rumah adalah RM5,793 pada tahun 2022. Pendapatan penengah bulanan Bumiputera direkodkan lebih rendah berbanding paras nasional RM6,338, manakala India RM6,627 dan Cina RM8,167. Berdasarkan agihan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan, lebih 50% isi rumah Bumiputera berada di bawah pendapatan bulanan purata RM6,000 berbanding India 45% dan Cina 36%, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.

**Rajah 8: Agihan Pendapatan Isi Rumah Mengikut Etnik (RM), 2016 dan 2022**



Insiden Kemiskinan Mutlak bagi Bumiputera menunjukkan penurunan yang drastik sejak tahun 1970 daripada 64.8% kepada 7.9% pada tahun 2022, seperti ditunjukkan dalam Rajah 9.

**Rajah 9: Insiden Kemiskinan Mutlak Mengikut Kumpulan Etnik Ketua Isi Rumah, 1970 – 2022**



## ► 3.4

# PEMILIKAN DAN PENGUASAAN KEKAYAAN: ASET KEWANGAN DAN ASET BUKAN KEWANGAN


Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam tempoh enam dekad yang lalu menunjukkan prestasi yang tidak konsisten dengan peratusan pada tahun 2020 adalah 18.4%. Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera adalah termasuk pegangan oleh individu dan agensi mandat Bumiputera yang terpilih. Pemilikan nomini menunjukkan peningkatan yang ketara mencapai 15.3% pada tahun 2020. Sehingga April 2024, tiada peruntukan perundangan bagi mewajibkan pengisyntiharan oleh pemunya benefisial (*beneficial ownership*) bagi pemilikan ekuiti di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia.

Dari segi penyertaan Bumiputera dalam syarikat tersenarai

awam, Bumiputera hanya mewakili 7% daripada syarikat tersenarai awam sehingga tahun 2022 dengan hanya 62 syarikat dikuasai oleh Bumiputera daripada 945 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia. Selain itu, jumlah pemegang akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) dalam kalangan Bumiputera berada pada kadar hanya 30% hingga 40% berbanding keseluruhan<sup>33</sup>.

Dalam aspek simpanan untuk persaraan, caruman Bumiputera melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan purata yang rendah walaupun memiliki jumlah ahli yang lebih tinggi. Purata simpanan KWSP setiap ahli mengikut etnik adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10<sup>34</sup>.

**Rajah 10: Purata Simpanan KWSP Setiap Ahli mengikut Etnik sehingga Jun 2021**



<sup>33</sup> Bursa Malaysia

<sup>34</sup> Kajian "Tabung Persaraan Bagi Golongan Bumiputera: Adakah mencukupi?", 2022, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)

Dalam aspek aset bukan kewangan, pemilikan kediaman Bumiputera berada pada kadar 73.4%, berbanding purata nasional sebanyak 76.5% pada tahun 2022, seperti ditunjukkan dalam Rajah 11.



Bagi aspek transaksi harta tanah, Bumiputera mencatatkan bilangan transaksi yang tinggi dalam pasaran harta tanah kediaman di kedua-dua pasaran primer dan sekunder. Walau bagaimanapun, nilai pasaran bagi setiap transaksi tersebut adalah rendah berbanding harta tanah perdagangan dan industri, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Hartanah Komersial Bumiputera mengikut Pasaran Primer dan Pasaran Sekunder, 2022**

	PERKARA	PASARAN PRIMER		PASARAN SEKUNDER	
		BUMIPUTERA	KESELURUHAN	BUMIPUTERA	KESELURUHAN
KEDIAMAN	Nilai (RM bilion)	10.65	21.31	24.05	72.97
	Transaksi	30,635	48,441	41,633	91,318
PERDAGANGAN	Nilai (RM bilion)	0.54	3.88	1.54	28.73
	Transaksi	789	4,483	1,376	14,230
INDUSTRI	Nilai (RM bilion)	0.01	1.31	0.14	19.85
	Transaksi	8	420	59	3,315

Sumber: Data transaksi Hartanah NAPIC

Walaupun bilangan transaksi Tanah Rizab Melayu (TRM) meningkat daripada tahun 2019 hingga tahun 2022, namun purata nilai harta tanah menunjukkan trend berkurangan. Trend yang berbeza dapat dilihat daripada transaksi tanah selain daripada TRM yang menunjukkan nilai purata yang semakin meningkat, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

<b>Jadual 3: Data Transaksi Hartanah oleh Bumiputera Melayu (NAPIC), 2022</b>				
<b>SEMPERATUR MELAYU</b>	<b>RIZAB MELAYU</b>		<b>SELAIN RIZAB MELAYU</b>	
	<b>BILANGAN</b>	<b>NILAI (RM BILION)</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>NILAI (RM BILION)</b>
<b>2019</b>	31,809	4.60	145,579	79.75
<b>2020</b>	32,564	5.15	135,043	74.62
<b>2021</b>	30,829	5.12	152,493	96.52
<b>2022</b>	32,787	5.05	152,956	98.14
<b>H1 2023</b>	19,654	2.89	68,657	41.21
<b>JUMLAH</b>	<b>147,643</b>	<b>22.81</b>	<b>654,728</b>	<b>390.24</b>

\*Data tidak termasuk Melaka dan Pulau Pinang

Sumber: Data transaksi Hartanah NAPIC

## ► 3.5

# PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM EKONOMI

Bilangan PMKS Bumiputera kekal rendah walaupun terdapat usaha bersepada untuk mendorong penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi. Pada tahun 2015, PMKS Bumiputera hanya mewakili 39.1%, iaitu 354,704 daripada 907,200 perusahaan, dan tertumpu dalam sektor perkhidmatan seperti ditunjukkan dalam Jadual 4. Daripada jumlah itu, 83.5% PMKS Bumiputera dikategorikan sebagai perusahaan mikro yang membekalkan produk dan perkhidmatan bernilai ditambah rendah<sup>35</sup>.

Jadual 4: Penyertaan PMKS Bumiputera mengikut Sektor Ekonomi hingga Tahun 2015							
SEKTOR	PMKS			BILANGAN PMKS	BESAR	JUMLAH PERUSAHAAN	PERATUSAN KESELURUHAN SEKTOR EKONOMI
	MIKRO	KECIL	SEDERHANA				
<b>Pertanian</b>	1,520	519	189	2,228	799	3,027	0.62
<b>Perlombongan &amp; Pengkuaran</b>	98	102	30	230	45	275	0.06
<b>Pembuatan</b>	11,385	4,642	311	16,338	161	16,499	4.61
<b>Pembinaan</b>	10,853	6,511	1,382	18,746	445	19,191	5.29
<b>Perkhidmatan</b>	272,365	41,636	3,161	317,162	1,709	318,871	89.42
<b>JUMLAH PENYERTAAN PERUSAHAAN BUMIPUTERA DALAM KESELURUHAN SEKTOR EKONOMI</b>	<b>296,221</b>	<b>53,410</b>	<b>5,073</b>	<b>354,704</b>	<b>3,159</b>	<b>357,863</b>	<b>100</b>

Sumber: SME Corp Malaysia

<sup>35</sup> Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia), 2015

## ► 3.6

# KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI ORANG ASLI

Berdasarkan Perlembagaan Malaysia di bawah Perkara 160(2), Orang Asli adalah merujuk kepada Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Sehingga Disember 2023, terdapat seramai 215,215 Orang Asli di Semenanjung Malaysia, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

<b>Jadual 5: Jumlah Orang Asli mengikut Negeri, 2023</b>	
<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH</b>
Pahang	80,620
Perak	61,589
Selangor	21,691
Kelantan	18,900
Johor	16,524
Negeri Sembilan	12,477
Melaka	2,033
Terengganu	1,050
Kedah	331
<b>JUMLAH</b>	<b>215,215</b>

*Sumber: Data Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)*

Daripada jumlah ini, 54.9% adalah kumpulan etnik Senoi, 42.1% kumpulan etnik Melayu Proto dan 3.0% adalah kumpulan etnik Negrito. Orang Asli dewasa yang berumur antara 18 hingga 59 tahun adalah sebanyak 62.1%, manakala 6.9% adalah dalam kalangan warga emas yang berumur melebihi 60 tahun. Kebanyakan pekerjaan masyarakat Orang Asli adalah berasaskan alam sekitar atau terlibat dalam kegiatan ekonomi sara diri seperti pertanian sara hidup, memburu, menangkap ikan dan mengumpul hasil hutan<sup>36</sup>.

<sup>36</sup> Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

## ► 3.7


# KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI SABAH DAN SARAWAK

Sabah dan Sarawak merupakan antara negeri terbesar di Malaysia. Kedua-dua negeri ini merupakan antara enam negeri penyumbang utama kepada KDNK negara, dengan sumbangan sebanyak hampir 15% pada tahun 2023.

Berdasarkan statistik pada tahun 2022, Sabah mempunyai populasi Bumiputera sebanyak 88.9% daripada 3.14 juta jumlah penduduknya. Kadazan-Dusun adalah etnik Bumiputera terbesar di Sabah yang membentuk 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk.

Berdasarkan Laporan Sosioekonomi Sabah 2022 oleh DOSM, sebanyak 32.3% Bumiputera Sabah berada dalam kelas pendapatan RM2,000 hingga RM3,999 sebulan, seperti ditunjukkan dalam Rajah 12. Pendapatan isi rumah bulanan penengah di Sabah adalah sebanyak RM4,577, manakala pendapatan isi rumah bulanan purata adalah sebanyak RM6,171. Pendapatan penengah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6% setahun pada tahun 2022 berbanding 1% pada tahun 2019.

**Rajah 12: Peratusan Isi Rumah mengikut Kelas Pendapatan Isi Rumah Kasar, Sabah, 2019 & 2022 (RM)**




Sumber: DOSM

Sarawak mempunyai populasi Bumiputera sebanyak 75.9% daripada 2.47 juta jumlah penduduknya. Berdasarkan Laporan Sosioekonomi Sarawak 2022 oleh DOSM, sebanyak 37.6% isi

rumah di Sarawak masih berpendapatan di bawah RM4,000. Sebanyak 28.9% berada dalam kelas pendapatan RM2,000 hingga RM3,999 sebulan, seperti ditunjukkan dalam Rajah 13.

**Rajah 13: Peratusan Isi Rumah mengikut Kelas Pendapatan Isi Rumah Kasar, Sarawak, 2019 & 2022 (RM)**



Sumber: DOSM

Dalam aspek guna tenaga, peratusan tenaga buruh Bumiputera di Sabah pada tahun 2022 adalah 54.3% dan Sarawak sebanyak 67.0%. Sabah merekodkan peratusan pengangguran tertinggi di Malaysia pada kadar 7.5% pada tahun 2022, dengan majoriti yang menganggur adalah dalam kalangan Bumiputera. Kadar pengangguran di Sarawak adalah lebih rendah berbanding di Sabah, iaitu sebanyak 3.7%. Penyertaan Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam tenaga kerja profesional adalah kurang daripada 2.0% berbanding pada peringkat nasional. Jumlah Bumiputera dalam kalangan profesional berdaftar di negeri masing-masing

untuk profesion arkitek adalah sebanyak 16.7% di Sabah dan 15.2% di Sarawak. Bagi profesion peguam pula adalah sebanyak 49.7% di Sabah dan 13.2% di Sarawak, manakala profesion akauntan adalah sebanyak 37.6% di Sabah dan 20.0% di Sarawak.

Bumiputera di Sabah dan Sarawak mencatatkan bilangan transaksi yang tinggi dalam pasaran hartanah kediaman, komersial dan industri, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Bilangan transaksi ini menunjukkan corak yang sama seperti pada peringkat nasional.

**Jadual 6: Bilangan dan Nilai Pindah Milik Hartanah Kediaman, Komersial dan Industri di Sabah & Sarawak, 2022**

JENIS HARTANAH	NEGERI	BILANGAN TRANSAKSI BUMIPUTERA	JUMLAH BILANGAN KESELURUHAN TRANSAKSI	NILAI TRANSAKSI BUMIPUTERA (RM)	JUMLAH NILAI TRANSAKSI (RM)
 <b>KEDIAMAN</b>	Sabah	2,174	<b>5,792</b> (Nasional 243,190)	<b>702.3 juta</b>	<b>2.2 bilion</b> (Nasional 94.3 bilion)
	Sarawak	3,997	<b>12,664</b> (Nasional 243,190)	<b>1.1 bilion</b>	<b>4.2 bilion</b> (Nasional 94.3 bilion)
 <b>KOMERSIAL</b>	Sabah	99	<b>1,264</b> (Nasional 32,809)	<b>54.6 juta</b>	<b>803.8 juta</b> (Nasional 32.6 bilion)
	Sarawak	107	<b>2,541</b> (Nasional 32,809)	<b>48.4 juta</b>	<b>1.3 bilion</b> (Nasional 32.6 bilion)
 <b>INDUSTRI</b>	Sabah	13	<b>368</b> (Nasional 8,082)	<b>10.7 juta</b>	<b>566.1 juta</b> (Nasional 21.2 bilion)
	Sarawak	5	<b>595</b> (Nasional 8,082)	<b>3.2 juta</b>	<b>467.9 juta</b> (Nasional 21.2 bilion)

Sumber: DOSM

# 4.0

## ISU DAN CABARAN BUMIPUTERA





Meskipun Bumiputera telahpun menunjukkan peningkatan dalam aspek sosioekonomi sepanjang enam dekad pembangunan, namun, terdapat pelbagai isu seperti ketidakupayaan Bumiputera menyumbang secara lebih bermakna kepada ekonomi negara, kelemahan institusi dan tatakelola serta perlindungan sosial yang tidak menyeluruh. Isu ini telah mengakibatkan jurang pendapatan dan kekayaan antara etnik yang semakin melebar; status sosioekonomi Bumiputera yang masih terperangkap dalam kelas menengah dan sederhana; dan penyertaan Bumiputera yang tertumpu dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang rendah.

## ► 4.1

# KETIDAKUPAYAAN BUMIPUTERA MENYUMBANG SECARA LEBIH BERMAKNA KEPADA EKONOMI NEGARA

Ketidakupayaan Bumiputera untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada pembangunan sosioekonomi negara dikaitkan dengan isu dan cabaran seperti berikut:

SKOP	ISU DAN CABARAN
<b>Daya Saing</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kurang keupayaan dan kemampuan untuk mengembangkan perniagaan</li> <li>2. Kurang kerjasama antara perusahaan Bumiputera dengan selain Bumiputera</li> <li>3. Keterbatasan modal dan sokongan peringkat awal seperti kesukaran syarikat pemula untuk mendapat akses pembiayaan</li> <li>4. Penerimanaan teknologi dan digital yang rendah</li> <li>5. Kesukaran memecah monopoli dalam rantaian bekalan</li> <li>6. Kekurangan penglibatan dalam aktiviti R&amp;D&amp;C&amp;I bagi industri HGHV dan teknologi baharu</li> <li>7. Kerjasama perusahaan Bumiputera dengan GLC dan GLIC yang terhad</li> <li>8. Penembusan pasaran yang rendah berikutan kurang sokongan terhadap produk tempatan pada peringkat awal (<i>early off-taker</i>) serta kualiti produk dan perkhidmatan yang tidak konsisten</li> <li>9. Kesedaran mengenai peluang dan insentif tersedia masih rendah</li> <li>10. Persediaan pemain industri Bumiputera menghadapi persaingan global susulan ratifikasi FTA adalah perlahan</li> <li>11. Kebergantungan berterusan kepada bantuan Kerajaan termasuk geran dan pembiayaan Kerajaan</li> </ol>

## ► 4.1 (Sambungan)

SKOP	ISU DAN CABARAN
<b>Pemilikan Ekuiti dan Penciptaan Kekayaan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Liberalisasi beberapa sektor ekonomi menghapuskan peluang Bumiputera</li> <li>2. Ketidakmampuan Bumiputera memiliki harta tanah kediaman, komersial dan perindustrian bernilai tinggi</li> <li>3. Saiz Tanah Rizab Melayu semakin menyusut dan potensi wakaf kurang dimanfaatkan</li> <li>4. Model pembangunan tanah yang tidak lagi relevan</li> <li>5. Tiada pemantauan oleh pengawal selia sektor bagi pelupusan pemilikan syarikat Bumiputera terutama dalam sektor berkepentingan negara</li> <li>6. Pemilikan tanah individu termasuk Orang Asli yang bernilai rendah</li> <li>7. Kelemahan pengurusan tanah terbiar yang berpotensi untuk dibangunkan</li> </ol>
<b>Pendidikan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem pendidikan prasekolah yang tidak terselaras</li> <li>2. Penguasaan bahasa asing yang lemah oleh Bumiputera</li> <li>3. Akses pembelajaran Bumiputera di luar bandar dalam pendidikan digital yang terhad</li> <li>4. Minat pada STEM merosot</li> <li>5. Tahap pendidikan dan kemahiran Orang Asli yang rendah</li> <li>6. Kebolehpasaran pelajar lepasan tahfiz (<i>huffaz</i>) yang terhad</li> </ol>
<b>Bakat</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kecenderungan belia Bumiputera untuk tidak menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan memilih bidang kerja baru berteraskan media sosial</li> <li>2. Penyertaan guna tenaga mahir termasuk profesional dan kerjaya masa hadapan serta dalam industri strategik yang masih rendah</li> <li>3. Kadar pengangguran dalam kalangan belia yang masih tinggi</li> <li>4. Ketidaksepadanan kelayakan (<i>underemployment</i>) graduan dengan pekerjaan atau gaji yang ditawarkan</li> </ol>

## ► 4.2

# KELEMAHAN INSTITUSI DAN TATAKELOLA

Isu tatakelola yang kurang berkesan menyebabkan agenda pembangunan Bumiputera tidak dapat direalisasikan di samping mengakibatkan pembaziran sumber Kerajaan. Isu ini merangkumi ketidakcekapan penyampaian perkhidmatan serta penghayatan dan falsafah Bumiputera yang semakin luntur.

SKOP	ISU DAN CABARAN
<b>Penyampaian Perkhidmatan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peranan GLC, GLIC, SOE dan agensi negeri yang tidak terselaras dalam menyokong agenda pembangunan Bumiputera</li> <li>2. Pertindihan struktur agensi Bumiputera serta peranan yang tidak lagi relevan dengan keperluan semasa</li> <li>3. Kualiti penyampaian perkhidmatan agensi mandat Bumiputera tidak optimum</li> <li>4. Pangkalan data berkaitan Bumiputera tidak bersepadan</li> <li>5. Penyelarasan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program yang tidak berkesan</li> <li>6. Budaya integriti dan nilai etika semakin merosot</li> </ol>
<b>Penghayatan dan Falsafah Bumiputera</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kurang tahap kemandirian</li> <li>2. Tiada pengiktirafan rasmi ke atas pengetahuan tradisi sebagai identiti komuniti dan negara</li> <li>3. Perbezaan pandangan dan tafsiran kejayaan berbeza mengikut generasi</li> <li>4. Peredaran zaman dan perubahan persekitaran akibat globalisasi dan pemodenan memberi kesan kepada jati diri</li> <li>5. Falsafah perjuangan Bumiputera kurang menjadi keutamaan syarikat GLC dan GLIC</li> </ol>

## ► 4.3

# PERLINDUNGAN SOSIAL YANG TIDAK MENYELURUH

Perlindungan sosial yang tidak menyeluruh menyebabkan ketaksaksamaan dalam kalangan masyarakat, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Hal ini mengakibatkan peningkatan kesenjangan sosial dan ekonomi serta menjejasakan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

### ISU DAN CABARAN

1. Jaringan perlindungan sosial yang tidak komprehensif
2. Sebahagian besar pekerja Bumiputera tergolong dalam sektor bukan formal dan mudah terjejas
3. Insiden kemiskinan yang masih tinggi berbanding etnik lain
4. Tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat terutama Bumiputera yang tinggal di bandar
5. Peluang pekerjaan dan pembiayaan yang terhad di negeri kurang membangun termasuk Sabah dan Sarawak
6. Tahap literasi kewangan Bumiputera yang lemah, jumlah simpanan yang rendah dan kadar keber hutangan yang tinggi
7. Peluang sosioekonomi yang terhad kepada Orang Asli



# 5.0

## PELAN TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA 2035 (PuTERA35)





Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) adalah merupakan kesinambungan daripada dasar dan hala tuju Kerajaan MADANI bagi meningkatkan darjat dan martabat rakyat. Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) menjadi platform dalam mendapatkan input daripada pelbagai pihak, sama ada maklum balas yang diterima daripada hasil sesi libat urus dan pandangan awam mahupun ucaptama dari YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri semasa KEB 2024. Pendekatan ini adalah berteraskan usaha sama antara Kerajaan dan penglibatan rakyat melalui *bottom-up approach*.

PuTERA35 menggariskan tiga matlamat utama iaitu:

1. Membangunkan Bumiputera yang bercirikan dinamik dan futuristik yang mampu mendepani isu serta cabaran semasa dan yang akan datang;
2. Menetapkan sasaran yang lebih jelas bagi pengukuran tahap penyertaan, pemilikan dan penguasaan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna; dan

3. Membangunkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan melalui penetapan pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan setiap Iktiar.

PuTERA35 ini disokong oleh tiga Teras, 12 Pemacu dan 132 Iktiar yang telah dikenal pasti bagi memastikan agenda pemerkasaan Bumiputera adalah sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

**Rajah 14: Kerangka PuTERA35**



## ► 5.1

# TEMA

PuTERA35 bertemakan **Penyertaan, Pemilikan dan Penggunaan (3P) Bumiputera yang lebih bermakna** bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. Tema ini adalah sejajar dengan Ekonomi MADANI untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia.

Penyertaan Bumiputera memberi penekanan kepada usaha untuk memastikan penglibatan Bumiputera yang signifikan dalam semua sektor ekonomi, termasuk dari segi guna tenaga profesional dan kerjaya masa hadapan. Dalam aspek Pemilikan pula, ia merujuk kepada usaha penciptaan kekayaan dalam kalangan Bumiputera yang sekaligus meningkatkan pemilikan aset kewangan dan bukan kewangan. Penciptaan kekayaan ini adalah dalam konteks meningkatkan pemilikan Bumiputera melalui pengembangan ekonomi dan tidak melalui pengagihan semula kekayaan dari satu kumpulan etnik kepada yang lain. Dari segi Penggunaan pula, Kerajaan akan memberi fokus kepada keupayaan Bumiputera untuk mempunyai kawalan dalam perniagaan dan aktiviti ekonomi secara lebih menyeluruh termasuk dalam setiap peringkat rantai bekalan.

Melalui PuTERA35 ini, Kerajaan berhasrat untuk memastikan Penyertaan, Pemilikan dan Penggunaan Bumiputera dalam sektor ekonomi dapat diperkasakan tanpa menidakkan hak dan keterlibatan etnik lain. Tema 3P ini memerlukan kebersamaan matlamat dan penyelaras bersama antara semua pemegang taruh tanpa mengira etnik dan latar belakang.

## ► 5.2

# TERAS DAN PEMACU

PuTERA35 memberi penekanan kepada tiga teras utama, iaitu **Memperkuuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi; dan Menegakkan Keadilan Sosial**. Teras ini akan disokong oleh 12 pemacu dalam menangani isu dan cabaran Bumiputera.

Teras pertama memperkuuh pasak ekonomi negara bertujuan meningkatkan keupayaan Bumiputera untuk memberikan sumbangan kepada ekonomi negara dan mempertingkat daya saing perusahaan Bumiputera pada peringkat global, di samping memperkuuh penciptaan kekayaan. Teras ini disokong oleh lima pemacu, iaitu peningkatan penggunaan ekonomi, peningkatan daya saing dan penskalaan, pembangunan bakat dan pemerkasaan ekosistem pendidikan, penciptaan kekayaan, dan peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera. Lima pemacu ini membuka peluang kepada Bumiputera untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyumbang kepada ekonomi negara, meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri berpotensi tinggi seperti HGHV dan melatih bakat agar seiring dengan kehendak pasaran.

Teras kedua memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi disokong oleh tiga pemacu, iaitu penyampaian perkhidmatan dan tatakelola, penyertaan syarikat swasta, GLC dan GLIC, dan penghayatan falsafah Bumiputera. Teras ini akan memberi tumpuan kepada pengukuhan penyampaian perkhidmatan dengan etika kerja dan nilai integriti yang tinggi bagi memastikan keberhasilan agenda pemerkasaan Bumiputera dapat dicapai. Penyertaan syarikat swasta, GLC dan GLIC akan memastikan keseluruhan ekosistem perniagaan dimanfaatkan bagi menyokong pelaksanaan

agenda Bumiputera. Penghayatan falsafah Bumiputera yang lebih bermakna dalam kalangan agensi pelaksana akan dapat meningkatkan keberkesanannya pelaksanaan ikhtiar PuTERA35 bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

Teras ketiga menegakkan keadilan sosial disokong oleh empat pemacu, iaitu pembasmian kemiskinan tegar, pengukuhan

sistem perlindungan sosial, pembangunan sosioekonomi Orang Asli, serta pengukuhan pembangunan Sabah dan Sarawak ke arah keseimbangan wilayah. Teras ini akan memberi tumpuan untuk menyokong anjakan mobiliti sosial termasuk melalui pemerkasaan ekosistem pendidikan, perkhidmatan kesihatan, perumahan dan akses kepada infrastruktur asas yang berkualiti, serta peningkatan pendapatan.



### PEMACU 1 Penguasaan Ekonomi



### PEMACU 2 Peningkatan Daya Saing dan Penskalaan



### PEMACU 3 Pembangunan Bakat dan Pemerkasaan Ekosistem Pendidikan



### PEMACU 4 Penciptaan Kekayaan



### PEMACU 5 Peningkatan Pemilikan Ekuiti



### PEMACU 6 Penyampaian Perkhidmatan dan Tatakelola



### PEMACU 7 Penyertaan Syarikat Swasta, GLC dan GLIC



### PEMACU 8 Penghayatan Falsafah Bumiputera



### PEMACU 9 Pembasmian Kemiskinan Tegar



### PEMACU 10 Pengukuhan Sistem Perlindungan Sosial



### PEMACU 11 Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli



### PEMACU 12 Pengukuhan Pembangunan Sabah dan Sarawak ke arah Keseimbangan Wilayah


## ► 5.3

# PENGUKURAN PuTERA35

PuTERA35 menggariskan matlamat dan sasaran khusus untuk memartabatkan masyarakat Bumiputera dalam pelbagai aspek sosioekonomi. Sasaran yang ditetapkan adalah selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan RMKe-12. Selain itu, PuTERA35 juga turut memperkenalkan beberapa sasaran baharu berbanding sasaran Bumiputera


yang telah ditetapkan di dalam RMKe-12. Sasaran ini yang juga merangkumi perincian pemilikan ekuiti, penyertaan tenaga buruh dan sumbangan kepada KDNK adalah bagi mengukur pencapaian Bumiputera dalam aspek Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan, seperti ditunjukkan dalam Rajah 15.

Rajah 15: Pengukuran PuTERA35



Sasaran: ■ Baharu ■ Sedia Ada

Sumber: Kementerian Ekonomi



## ► 5.4

# TEMPOH PELAKSANAAN PuTERA35

Pelaksanaan PuTERA35 melalui 132 ikhtiar akan memerlukan jangka masa yang berbeza bergantung kepada ketersediaan sumber dan kerumitan sesuatu tindakan, merentas tempoh 10 tahun sehingga tahun 2035. Bagi menyediakan panduan yang jelas kepada agensi pelaksana dan pihak berkepentingan, tempoh pelaksanaan PuTERA35 ditetapkan seperti berikut:

Jadual 7: Tempoh Pelaksanaan Ikhtiar PuTERA35

JANGKA MASA	TAHUN	KETERANGAN
<b>Pendek</b>	<b>2024 - 2026</b>	<b>Ikhtiar yang boleh dilaksanakan dalam tempoh sekurang-kurangnya dua tahun di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMKe-13)</b>
<b>Sederhana</b>	<b>2024 - 2030</b>	<b>Ikhtiar yang boleh dilaksanakan dalam tempoh antara dua hingga lima tahun di bawah RMKe-13 dan Kajian Separuh Penggal, RMKe-13 (KSP RMKe-13)</b>
<b>Panjang</b>	<b>2024 - 2035</b>	<b>Ikhtiar yang boleh dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun di bawah RMKe-13 dan Rancangan Malaysia Keempat Belas, 2031-2035 (RMKe-14)</b>

# 6.0

## PELAKSANAAN PuTERA35



## ► 6.1 TERAS 1

### Memperkuuh Pasak Ekonomi Negara



#### 6.1.1 PEMACU 1

#### Penguasaan Ekonomi

Penguasaan ekonomi merangkumi pengawalan sektor ekonomi dalam pelbagai aspek seperti pemilikan syarikat dan pengagihan sumber. Dominasi politik juga boleh mempengaruhi penguasaan ekonomi.

#### SASARAN UTAMA:

- Nisbah pendapatan penengah bulanan isi rumah Bumiputera kepada Cina bertambah baik kepada 0.9:1 pada tahun 2035;
- Nisbah gaji dan upah penengah bulanan Bumiputera kepada Cina bertambah baik kepada 0.9:1 pada tahun 2035;
- Peratusan insiden kemiskinan tegar Bumiputera kepada 0% pada tahun 2035; dan
- Sumbangan perusahaan Bumiputera kepada KDNK sebanyak 15% pada tahun 2035.

<b>Ikhtiar</b>	<b>1. Meningkatkan kapasiti perusahaan Bumiputera bagi tujuan eksplorasi, pengeluaran dan penggunaan sumber asli bernilai tinggi secara lestari</b>		
----------------	---	--	--

<b>Penyelaras</b>	NRES	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
-------------------	------	---------------	------------------

<b>Pelaksana</b>	PETRA, NRES & kerajaan negeri		
------------------	-------------------------------	--	--

<b>Ikhtiar</b>	<b>2. Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri kandungan kreatif</b>		
----------------	---	--	--

<b>Penyelaras</b>	MOTAC	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
-------------------	-------	---------------	------------------

<b>Pelaksana</b>	MITI, MOTAC, KD, KK & kerajaan negeri		
------------------	---------------------------------------	--	--

<b>Ikhtiar</b>	<b>3. Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pembangunan teknologi termaju berkaitan bidang keterjaminan kesihatan</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOSTI	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	MOSTI & KKM		
<b>Ikhtiar</b>	<b>4. Meningkatkan penglibatan syarikat Bumiputera dalam pengeluaran vaksin dan produk biologikal manusia yang halal dan beretika</b>		
<b>Penyelaras</b>	KKM	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	MITI, KKM & MOSTI		
<b>Ikhtiar</b>	<b>5. Meningkatkan penyertaan dalam perkhidmatan berkaitan perlindungan dan keselamatan data serta pencegahan jenayah siber</b>		
<b>Penyelaras</b>	KDN	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	KDN, KD & KK		
<b>Ikhtiar</b>	<b>6. Merekayasa ekonomi luar bandar melalui perluasan akses kepada pembiayaan alternatif dan penglibatan di dalam Industri HGHV terutamanya peralihan tenaga dan pertanian pintar serta penanaman herba bernilai tinggi</b>		
<b>Penyelaras</b>	KKDW	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KKDW, KPBM, kerajaan negeri, MARA & JAKOA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>7. Mengkaji peluang penyertaan Bumiputera dalam sistem perdagangan karbon di peringkat ASEAN menjelang tahun 2030 melalui insentif cukai karbon yang akan diperkenalkan</b>		
<b>Penyelaras</b>	NRES	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, NRES & KLN		
<b>Ikhtiar</b>	<b>8. Memperkasa penglibatan syarikat Bumiputera dalam rantai bekalan melalui perkongsian pintar dalam kalangan syarikat Bumiputera serta dengan syarikat bukan Bumiputera atau syarikat global</b>		
<b>Penyelaras</b>	MITI	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KUSKOP, KPBN, MITI, KPBM & MARA		

<b>Ikhtiar</b>	<b>9. Meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam industri biojisim melalui kerjasama awam-swasta</b>		
<b>Penyelaras</b>	UKAS & JPM	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	UKAS, JPM & MITI		
<b>Ikhtiar</b>	<b>10. Memperluas penyertaan Bumiputera dalam perladangan hutan dan industri perkayuan</b>		
<b>Penyelaras</b>	KPK	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KPBM, KPK & KKDW		
<b>Ikhtiar</b>	<b>11. Meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam inisiatif berkaitan keterjaminan makanan termasuk dalam industri penternakan</b>		
<b>Penyelaras</b>	KPBM	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KPBM, KPK, KKDW, KPDN, kerajaan negeri dan Syarikat Swasta		
<b>Ikhtiar</b>	<b>12. Memperkasakan hab logistik untuk meningkatkan infrastruktur dan agensi pemasaran/ pengedaran sedia ada di luar bandar</b>		
<b>Penyelaras</b>	KKDW	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	KUSKOP, KKDW & JAKOA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>13. Memperluaskan Inisiatif Malaysia Digital ke luar bandar dan negeri kurang membangun bagi membolehkan Bumiputera mendapat manfaat daripada pelaburan baharu berkaitan teknologi dan pendigitalan</b>		
<b>Penyelaras</b>	KD	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, MITI, KD, KK & MOSTI		
<b>Ikhtiar</b>	<b>14. Meningkatkan saiz dana bagi memudah cara akses kepada pembiayaan di bawah modal teroka (<i>venture capital</i>) dan syarikat pemula Bumiputera</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOF	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi & MOSTI		

<b>Ikhtiar</b>	<b>15. Menggalakkan penggunaan teknologi dan pengeluaran produk hijau oleh syarikat Bumiputera melalui pemberian dan penyediaan insentif bersesuaian</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOF	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	MOF, KKDW, NRES, PETRA & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>16. Meningkatkan penglibatan syarikat Bumiputera dalam mencipta serta membangunkan teknologi robotik, AI dan sistem automasi</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOSTI	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	KKDW, MOSTI, KD & MARA		



### 6.1.2 PEMACU 2

## Peningkatan Daya Saing dan Penskalaan

Peningkatan daya saing adalah keupayaan perusahaan Bumiputera untuk bersaing dengan lebih baik dalam kalangan Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

Penskalaan adalah proses meningkatkan kapasiti dan keupayaan perusahaan Bumiputera melalui pertambahan saiz modal serta jumlah tenaga kerja untuk meningkatkan pengeluaran, daya saing dan produktiviti.

#### SASARAN UTAMA:

Sumbangan perusahaan Bumiputera kepada KDNK sebanyak 15% pada tahun 2035.

<b>Ikhtiar</b>	<b>1. Mewujudkan generasi baharu usahawan Bumiputera dengan melaksanakan <i>carve-out</i> dana sedia ada GLC dan GLIC bagi program pembangunan usahawan baharu</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOF	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KUSKOP & GLC dan GLIC Berkaitan		

<b>Ikhtiar</b>	<b>2. Memperkenalkan insentif cukai bagi menggiatkan aktiviti R&amp;D&amp;C&amp;I dalam kalangan PKS</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOF	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, KUSKOP & MOSTI		
<b>Ikhtiar</b>	<b>3. Memperkenalkan inisiatif dan program keusahawanan yang berupaya meningkatkan skala dan mencipta nilai perusahaan Bumiputera</b>		
<b>Penyelaras</b>	Kementerian Ekonomi	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, KUSKOP, Kementerian Ekonomi, PETRA, KKDW, MARA, PNB & PUNB		
<b>Ikhtiar</b>	<b>4. Menambah baik pangkalan data usahawan Bumiputera bagi meningkatkan keberkesanan penyasaran dan pemantauan program pembangunan usahawan Bumiputera</b>		
<b>Penyelaras</b>	Kementerian Ekonomi	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	Kementerian Ekonomi, KUSKOP & TERAJU		
<b>Ikhtiar</b>	<b>5. Mensyaratkan pembelian barang tempatan terutama produk Bumiputera dalam pemberian bantuan dan program rasmi Kerajaan</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOF	<b>Tempoh</b>	2024 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF dan semua UPAB Kementerian		
<b>Ikhtiar</b>	<b>6. Melaksanakan Program Transformasi Perniagaan Halal melalui penyediaan dana pembiayaan khusus, fasiliti perindustrian dan memudahkan proses pensijilan halal bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri halal</b>		
<b>Penyelaras</b>	MITI	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MITI, KPDN, KKDW, JAKIM, MARA, MATRADE & HDC		
<b>Ikhtiar</b>	<b>7. Mewujudkan tabung geran padanan pembangunan vendor swasta bagi penyediaan program latihan dan peningkatan kemahiran dalam bidang baharu</b>		
<b>Penyelaras</b>	KUSKOP	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, KUSKOP & KESUMA		

<b>Ikhtiar</b>	<b>8. Memperluaskan kemudahan akses pembiayaan kewangan kepada perusahaan Bumiputera termasuk penyediaan dana kredit mikro</b>		
<b>Penyelaras</b>	KUSKOP	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KUSKOP & KKDW		
<b>Ikhtiar</b>	<b>9. Mewajibkan latihan keusahawanan dan pendaftaran perniagaan sebagai prasyarat penerimaan pembiayaan dan pemudahcaraan</b>		
<b>Penyelaras</b>	KUSKOP	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	KKDW, MARA, INSKEN & SMECorp		
<b>Ikhtiar</b>	<b>10. Menggalakkan Bumiputera memanfaatkan platform digital dan teknologi kewangan (<i>fintech</i>) melalui penyediaan program bersasar</b>		
<b>Penyelaras</b>	KD	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	KKDW, KD & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>11. Memperluaskan program bagi meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan serta memenuhi piawaian untuk menembusi pasaran global</b>		
<b>Penyelaras</b>	MITI	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MITI, KUSKOP, KKDW, KD, kerajaan negeri, MARA & GLC dan GLIC Berkaitan		
<b>Ikhtiar</b>	<b>12. Mewujudkan garis panduan khusus berkaitan dasar pemisah bagi semua program Kerajaan, GLC dan GLIC untuk menggalakkan syarikat Bumiputera lebih berdaya saing dan berdaya tahan</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOF	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KUSKOP, KKDW, KPKT & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>13. Mengkaji mekanisme untuk meningkatkan keupayaan Bumiputera dalam penguasaan sektor korporat termasuk melalui kaedah usaha sama, konsortium serta penggabungan dan pengambilalihan</b>		
<b>Penyelaras</b>	Kementerian Ekonomi	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KUSKOP, KKDW, MITI, KPKM & JPM		

<b>Ikhtiar</b>	<b>14. Mewujudkan jawatankuasa khas untuk meningkatkan daya saing syarikat Bumiputera susulan daripada ratifikasi FTA, termasuk CPTPP, RCEP, Rundingan FTA Malaysia-EU (MEUFTA) dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-EFTA (MEEPA)</b>		
<b>Penyelaras</b>	Kementerian Ekonomi	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KUSKOP & MITI		
<b>Ikhtiar</b>	<b>15. Menetapkan kuota kemasukan produk usahawan Bumiputera ke dalam sektor peruncitan seperti pasaraya besar (<i>hypermarket</i>), pasaraya mini atau pasar raya sebagai sebahagian daripada syarat perlesenan</b>		
<b>Penyelaras</b>	KPDN	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	KPDN & KUSKOP		
<b>Ikhtiar</b>	<b>16. Membudaya dan menggalakkan keusahawanan sebagai kerjaya dengan menyediakan sokongan mentor dan coaching termasuk kepada pesara, graduan dan bekas banduan</b>		
<b>Penyelaras</b>	KUSKOP	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	KUSKOP, KKDW, KPT, KDN, PUNB & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>17. Meningkatkan program kesedaran dan latihan penggunaan teknologi dan pendigitalan</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOSTI	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	MITI, KUSKOP, KKDW, MOSTI & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>18. Mempelbagaikan bantuan/ insentif selain dalam bentuk geran, termasuk melalui pembiayaan ekuiti dan pinjaman</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOF	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KKDW, KUSKOP & MOSTI		
<b>Ikhtiar</b>	<b>19. Memperluaskan pelaksanaan dasar <i>carve out and compete</i> berdasarkan meritokrasi dalam projek mega Kerajaan, GLC dan swasta</b>		
<b>Penyelaras</b>	MOF	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KUSKOP, MOT & KKR		

<b>Ikhtiar</b>	<b>20. Memantapkan peranan PKEN dan agensi di bawah kerajaan negeri sebagai peneraju dalam pelaksanaan agenda pemerkasaan Bumiputera</b>		
<b>Penyelaras</b>	Kementerian Ekonomi	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	Kementerian Ekonomi, MOF, kerajaan negeri & PKEN		



### 6.1.3 PEMACU 3

## Pembangunan Bakat dan Pemerkasaan Ekosistem Pendidikan

Pembangunan bakat melibatkan proses memupuk dan meningkatkan kemahiran, kebolehan dan potensi untuk mencapai perkembangan individu dan profesionalisme.

Pemerkasaan ekosistem pendidikan memberi penekanan kepada usaha untuk meningkatkan kualiti dan akses kepada pendidikan bagi semua lapisan masyarakat. Ini termasuk pembangunan infrastruktur pendidikan dan tenaga pengajar, pembangunan kurikulum yang bersesuaian dan penyediaan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Ekosistem pendidikan bermula daripada peringkat prasekolah sehingga ke pengajian tinggi, dan turut merangkumi pembelajaran sepanjang hayat.

#### SASARAN UTAMA:

- Penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir adalah sekurang-kurangnya 70% pada tahun 2035; dan
- Peningkatan peratusan siswazah Bumiputera dalam tenaga buruh kepada 97% pada tahun 2035.

<b>Ikhtiar</b>	<b>1. Mewujudkan pusat kajian pembangunan Bumiputera dengan melibatkan jaringan IPT melalui pemerkasaan pusat kecemerlangan sedia ada</b>		
<b>Penyelaras</b>	KPT	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	KPT, KPM, Kementerian Ekonomi		
<b>Ikhtiar</b>	<b>2. Meningkatkan kualiti sistem Pendidikan Islam termasuk dengan menguatkuasakan undang-undang pendaftaran sekolah agama</b>		
<b>Penyelaras</b>	JAKIM	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	JAKIM, KPM, kerajaan negeri, MAIN		

<b>Ikhtiar</b>	<b>3. Memperkasakan bakat dengan mewujudkan biasiswa dan program latihan khas berdasarkan laluan pembangunan kerjaya yang berstruktur</b>		
<b>Penyelaras</b>	KPM	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	MOF, KKDW, KPM, KPT & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>4. Menambah baik dan memperkasakan peranan UiTM dan Institusi Pendidikan MARA (IPMA) dalam pendidikan Bumiputera</b>		
<b>Penyelaras</b>	KPT	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	KPM, KPT, KKDW, kerajaan negeri & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>5. Meningkatkan penyertaan dan penguasaan Bumiputera dalam sektor pekerjaan bernilai tinggi dan profesional yang belum dikuasai Bumiputera</b>		
<b>Penyelaras</b>	Kementerian Ekonomi	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	MOF, Kementerian Ekonomi, KKDW, KKR, KKM, AGC, MARA & YP		
<b>Ikhtiar</b>	<b>6. Memperkenalkan semula Program <i>Brain Gain</i> bagi menggalakkan tenaga pakar dan bakat Bumiputera kembali menyumbang kepada pembangunan negara</b>		
<b>Penyelaras</b>	KESUMA	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	KESUMA, KLN & KDN		
<b>Ikhtiar</b>	<b>7. Merangka dasar yang mengutamakan kepakaran Bumiputera dalam industri strategik</b>		
<b>Penyelaras</b>	Kementerian Ekonomi	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	MOF, KESUMA, KESUMA & MITI		
<b>Ikhtiar</b>	<b>8. Memperluaskan program TVET <i>Huffaz</i> bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran <i>Huffaz</i></b>		
<b>Penyelaras</b>	JAKIM & JPM	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	JAKIM, JPM, KPT, KPM, KKDW & MARA		

<b>Ikhtiar</b>	<b>9. Mengkaji pelaksanaan program khusus penguasaan bahasa ketiga bagi pelajar Bumiputera untuk lebih berdaya saing di peringkat global</b>		
<b>Penyelaras</b>	KPM	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2035
<b>Pelaksana</b>	KPM, KPT, kerajaan negeri & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>10. Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan mahir dan profesional serta aliran TVET termasuk melalui penetapan sasaran gaji yang setimpal bagi graduan TVET dan pewujudan Akta TVET serta menambah baik ekosistem TVET selaras dengan aktiviti HGHV</b>		
<b>Penyelaras</b>	MTVET	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2026
<b>Pelaksana</b>	KKDW, Kementerian Ekonomi, KESUMA, KBS, KPM, KPT, PETRA, MTVET & MARA		
<b>Ikhtiar</b>	<b>11. Memperkasa program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula (<i>upskilling</i> dan <i>reskilling</i>) bagi memenuhi keperluan industri HGHV</b>		
<b>Penyelaras</b>	Agensi Penyelaras HGHV	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	PETRA, KKDW, KPM, KPT, KBS, KESUMA, kerajaan negeri, MARA & MTVET		
<b>Ikhtiar</b>	<b>12. Mengukuhkan kerjasama antara institusi pendidikan dan industri bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan TVET</b>		
<b>Penyelaras</b>	MTVET	<b>Tempoh</b>	2025 hingga 2030
<b>Pelaksana</b>	Kementerian Ekonomi, MITI, KKDW, KESUMA, KBS, MOSTI, KPM, MARA, GLC dan GLIC Berkaitan & Syarikat Swasta		
